

# Swasta lebih berjaya jika guna galakan kerajaan — PM

**K**UALA LUMPUR 28 Jun — Sektor swasta akan menempa kejayaan yang lebih besar jika mereka menggunakan sepenuhnya segala galakan dan dorongan yang disediakan oleh kerajaan, kata Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri menegaskan, segala - galanya adalah bergantung kepada sikap sektor swasta sendiri.

Beliau memberi contoh, usaha penyelidikan dan pembangunan di pihak swasta terutama dalam sektor pembuatan masih lembab sungguhpun telah mengadakan berbagai skim galakan.

Berucap membentangkan kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kelima di Dewan Rakyat petang ini, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, akhir - akhir ini sektor swasta telah menunjukkan kejayaan dalam meneroka pasaran antarabangsa bagi barangan yang selama ini hanya dijual dalam negeri.

Beliau juga berkata, pelaburan swasta telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 23.5 peratus tahun lalu berbanding 6.5 peratus dalam tahun 1987 setelah mengalami kemerosotan sebanyak 16.3 peratus dalam tahun 1986.

"Sesungguhnya pertumbuhan sektor swasta ini bukan sahaja dipengaruhi oleh pemulihan sektor eksport tetapi juga beberapa langkah positif yang diambil oleh kerajaan untuk mewujudkan suasana yang lebih baik serta menarik bagi pelaburan asing dan tempatan.

Jumlah modal bagi projek kelulusan MIDA pula, kata Perdana Menteri, untuk tahun lalu ialah \$9,094 juta iaitu 131 peratus lebih tinggi jika dibandingkan dengan jumlah yang diluluskan bagi tahun 1987.

Kata Datuk Sri Dr. Mahathir, jumlah import barangan yang digunakan untuk pelaburan atau barangan modal meningkat sebanyak 13.5 peratus dalam tahun 1987 dan 38.9



peratus untuk tahun lalu.

Beliau berkata, pinjaman yang dikeluarkan oleh bank kepada sektor swasta juga telah meningkat dengan banyaknya.

"Permohonan yang diterima oleh Jawatankuasa Pelaburan Asing untuk membeli harta saham dan hartanah tahun lalu adalah lebih tinggi dari tahun 1986," ujar Datuk Sri Dr. Mahathir.

Dalam pada itu bagi perolehan harta pula, paras pengecualian kelulusan daripada Jawatankuasa Pelaburan Asing telah dinaikkan kepada \$5 juta untuk memudahkan dan mempercepatkan pembelian dan pengambilalihan.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, hasil kelonggaran - kelonggaran yang diperkenalkan oleh kerajaan seperti mengurangkan kadar cukai korporat dengan hasrat agar sektor swasta dapat meningkatkan lagi pelaburan mereka serta kelonggaran terhadap pembangunan sektor swasta, minat pelabur - pelabur terutamanya pelabur asing telah bertambah.

Beliau menegaskan, ini bukan sahaja memberi petanda baik kepada kestabilan pertumbuhan ekonomi malah kejayaan sektor swasta dalam meneroka pasaran antarabangsa dalam barangan yang hanya dijual dalam negeri adalah sesuatu yang membanggakan.